



Warta DBKIL

Diterima dan direkodkan
pada 21/6/2001

Tangan

KLRC

29 MAY 2001

ISSN 1511 - 5364 NOVEMBER - DISEMBER 2000
NASKHAH PERCUMA

PESARA MASIH BOLEH BANTU DBKL

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman bin Shariff baru-baru ini telah meraikan sebanyak 107 pesara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2000.

Datuk Bandar Kuala Lumpur semasa berucap di Majlis Penghargaan Pesara-Pesara DBKL tersebut berkata, walaupun telah bersara, tidak bermakna perhubungan dengan DBKL telah terputus. Sebahagian daripada mereka yang mungkin mengambil keputusan untuk terus menetap di Kuala Lumpur masih boleh membantu DBKL meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan kepada orang ramai seperti melapor atau mengemukakan masalah yang dihadapi oleh



Datuk Bandar Kuala Lumpur menyampaikan sijil kepada seorang pesara wanita

KHABAR SEMASA

Kuala Lumpur Kota Budaya	10
Kuala Lumpur Semalam, Hari Ini Dan Esok	12
Cara Baru Kurang Pencemaran Sungai	22

WARTA MENARIK

*Jalan Bersih Pengguna
Ceria*

CITYNET Seminar

Promoting Kuala Lumpur

Bersambung ke muka surat 2



9 77 1511 536005

Sambungan dari muka surat 1



Salah seorang pesara lelaki menerima sijil daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur

penduduk setempat supaya tindakan segera dapat diambil.

“Saya sangat menggalakkan bantuan seperti ini kerana tuan/puan lebih mengetahui saluran yang tepat untuk mengemukakan masalah berbanding dengan orang awam lain,” tambah Datuk Bandar lagi.

untuk mengembangkan Skim Insurans Berkelompok kepada pesara-pesara hingga ke umur 65 tahun. Apabila ianya dilaksanakan kelak, kakitangan DBKL diharap dapat menyertai Skim kerana ia akan memberi faedah yang besar kepada pesara-pesara.

Datuk Bandar juga menasihatkan pesara-pesara agar memberi keutamaan kepada penjagaan kesihatan dengan mengamalkan gaya hidup sihat supaya dapat menjalani kehidupan selepas bersara.



Seorang pesara gembira menerima sijil persaraan

DBKL akan terus memberi perkhidmatan rawatan kesihatan kepada pesara-pesara di Klinik Kakitangan DBKL. Di samping itu, Tabung Khas telah diwujudkan bagi tujuan rawatan kesihatan di Hospital Kerajaan. DBKL kini sedang dalam proses

DARI MEJA EDITOR

Kemantapan sesebuah organisasi diukur melalui mutu kepimpinan organisasi dan kecekapan kakitangannya.

Kakitangan yang produktif merupakan aset yang berharga kepada sesebuah organisasi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kita memerlukan kakitangan yang bertanggungjawab, berdisiplin serta berpandangan jauh.

Kecemerlangan prestasi seseorang kakitangan amat dititik beratkan bukan sahaja di peringkat Jabatan tetapi juga dalam Perkhidmatan Awam.

Dalam Sistem Saraan Baru, prestasi kerja yang cemerlang akan menerima kenaikan gaji tahunan. Kegagalan menunjukkan prestasi yang memuaskan, akan menyebabkan tidak ada kenaikan gaji tahunan.

Semangat cintakan DBKL perlulah dipupuk di kalangan kakitangan. Kepentingan organisasi secara keseluruhan, harus didahulukan daripada kepentingan jabatan sendiri. Kita juga perlu berfikir secara makro atau *corporate thinking* bukannya hanya secara mikro. Dengan cara ini, DBKL boleh melipat gandakan tenaga kerja dengan jumlah pekerja yang sama.

Kita juga perlu peka dan sensitif terhadap isu-isu yang ditimbulkan berkaitan DBKL. Peranan dan tanggungjawab DBKL adalah mencabar dalam memberi perkhidmatan kepada warga kota yang kehendaknya berbagai-bagai. Tugas dan fungsi DBKL perlulah dipertingkatkan selaras dengan hasrat dan aspirasi warga kota. Kakitangan perlu sentiasa menjaga imej baik DBKL.



Penasihat :

Tuan Hj. Izman Bin Hj. Ismail

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Binti Haji Alias

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Zainon Binti Haji Alias

Tel: 03-2691 6011 samb. 3855

Faks: 03-2698 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL

tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.dbkl.gov.my>

E-Mel: dbkl@dbkl.gov.my